

MAHATHIR-PERUTUSAN 9'2'32'
(BERBANGSA) SIARAN SELEPAS PUKUL 9 MALAM INI)

1982

KUALA LUMPUR, 30 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGAJAK RAKYAT HEMPERTAHANKAN DIRI DARI APA BENTUK PENJAJAHAN PUN DENGAN MELENGKAPKAN DIRI DENGAN ILMU DAN KECEKAPAN BERTA MENGUKUHKAN KETAHANAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERNYATA, MERDEKA BUKAN SAHAJA BERMAKNA DEBAT DARI PEMERINTAHAN ASING TETAPI PENJAJAHAN BOLEH JUGA DI LAKUKAN MELALUI SALURAN-SALURAN DAN PERCUBAAN LAIN BAGI MENYEKAT KEBEBASAN.

BELIAU MENEGASKAN DEMIKIAN DALAM PERUTUSAN HARI KEBANGSAAN YANG KE-25 MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, DESAKAN KERAJAAN
SEKARANG SUPAYA RAKYAT MENGUASAI ILMU DAN KECEKAPAN, BEKERJA
KUAT DAN MencARI KEKAYAAN BIKANLAH KERANA TERPENGARUH DENGAN
KEBENDAAN DUNIA TETAPI KERANA CINTA DAN TANGGUNGJAWAB
KEPADA KEMERDEKAAN NEGARA.

+KITA TIDAK MAHU MELIHAT NEGARA INI MERDEKA DARI SEGI
LAMBANG DAN BENDERA SAHAJA TETAPI KITA MAHU KEMERDEKAAN YANG TULIN
YANG TIDAK BOLEH DIPERMAIN-MAIN OLEH SESIAPA, BAIK DALAM APA
BIDANG SEKALI PUN,+ UJAR BELIAU. -- LAGI 1910/SZ

MAHATHIR-PERUTUGAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+KITA MEMPUNYAI KEUPAYAAN UNTUK MEMPERTAHANKAN KEMERDEKAAN
KITA TETAPI KITA PERLUKAN KESEDARAN YANG TULIN TENTANG
HAKIKAT INI,+ TEGASNYA LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MALAYSIA TERDEDAH KEPADA
PENDAPAT YANG BERBEZA-BEZA DI DALAM NEGERI DAN PENGARUH-
PENGARUH IDEOLOGI DAN KEBUDAYAAN DARI SELURUH DUNIA.

DI ZAMAN PERHUBUNGAN MUDAH TERSIBAR INI TIADA
SIAPA YANG BOLEH MENGASINGKAN DIRI DARIPADA PENGARUH LUAR.
OLEH ITU MASALAH NEGARA TETAP BERTAMBAH DAN MENGANCAM SETIAP
MASA, TAMBAHNYA.

+BENTENG YANG KUAT DALAM MENGHADAPI ANCAMAN INI
BUKANLAH YANG BERCORAK FIZIKAL ATAU UNDANG-UNDANG, TETAPI IALAH
BENTENG MORAL DAN KEPERIBADIAN.

+KITA PERLU MEMUPUK DAN MENGAMALKAN NILAI-NILAI HIDUP
YANG BAIK YANG BOLEH MELINDUNGI DAN MEMPERTAHANKAN KITA
DARIPADA PENGARUH-PENGARUH YANG TIDAK
DIINGINI DENGAN BERSATU HATI MENGHADAPI ANCAMAN DAN
MENGATASINYA,+ TEGAS PERDANA MENTERI. --LAGI 1924/MD

MAHATHIR-PERUTUSAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MASA DEPAN RAKYAT DAN NEGARA
ADALAH CERAH DAN TIDAK ADA SEBAB MENGAPA SELEPAS 25 TAHUN MERDEKA
RAKYAT HARUS CURIGA DENGAN KEMAMPUAN DAN KEBOLEHAN MEREKA.

RAKYAT YANG CINTAKAN NEGARA MESTILAH MENDISIPLINKAN DIRI DAN
MENERUSKAN PERJUANGAN UNTUK MENJAMIN KEBAHAGIAN NEGARA, MESTI
GIAT BERUSAHA DAN MENUMPUKAN SEGALA TENAGA DAN KEMAMPUAN
DENGAN SEGALA PENGORBANAN BAGI KEBAHAGIAN BERTA MASA DEPAN
NEGARA.

ASAS PEMBINAAN SATU BANGSA DAN SEBUAH NEGARA MALAYSIA YANG MAKMUR
DAN BERSATU-PADU IALAH PERKIRAAN FAKTOR-FAKTOR SEJARAH, POLITIK,
EKONOMI, SOSIAL DAN BUDAYA DALAM PEMBENTUKAN DASAR-DASAR
NEGARA, KATA BELIAU.

ASAS ITU DIHASILKAN DENGAN FIKIRAN YANG WARAS DENGAN MEMBERI
PERTIMBANGAN KEPADA KEPENTINGAN SEMUA PIHAK DAN GOLONGAN, DENGAN
SATU SISTEM YANG DAPAT MENJAMIN KEADILAN BAGI SEMUA PIHAK DAN
DENGAN BATASAN-BATASAN YANG DAPAT MENGELAK RAKYAT DARI TER-
JERUMUS KE DALAM BAHAYA KEHANCURAN.

+SISTEM YANG TELAH DIGUBAL BAGI NEGARA MALAYSIA IALAH
YANG TERBAIK SEKALI BAGI MENJAMIN KESELAMATAN RAKYAT DALAM DUNIA
YANG PENUH PANCAROBA,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

-- LAGI 1947 /87

MAHATHIR-PERUTUSAN 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA, TEMPOH 25 TAHUN YANG NEGARA TELAH LALUI MEMBUKTIKAN BAHAWA SISTEM PENTADBIRAN, POLITIK, EKONOMI DAN SOSIAL DI NEGARA INI DAPAT MENJAMIN KESEMPURNAAN RAKYAT DAN NEGARA.

+SISTEM YANG ADA ADALAH SISTEM YANG BERDASARKAN KEPADA UNDANG-UNDANG DAN YANG DIASASKAN KEPADA PERASAAN BERTANGGUNGJAWAB, PERSEFAHAMAN DAN TOLERANSI IAITU NILAI-NILAI TINGGI YANG DIREDAI OLEH AGAMA DAN MASYARAKAT MANUSIA YANG BERTAMADDUN TINGGI, + TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU RAKYAT TERUTAMA YANG DILAHIRKAN SELEPAS MERDEKA SUPAYA MENGHARGAI NIKMAT KEMERDEKAAN DAN GENERASI BARU ITU ADALAH BERTANGGUNGJAWAB MEMELIHARA DAN MENGEKALKAN KEMERDEKAAN YANG DIPERJUANGKAN OLEH GENERASI LAMA ITU.

ANGGAPAN KEMERDEKAAN SEBAGAI PERKARA BIASA YANG TIDAK PERLU DIAGUNG-AGUNGGAN ADALAH AMAT MERBAHAYA KERANA TANPA KESEDARAN ITU KEMALANGAN YANG MENIMPA RAKYAT SEPERTI DI PALESTIN, AFGHANISTAN DAN KAMPUCHEA MUNGKIN MENGANCAM RAKYAT, KATANYA.

OLEH ITU MEREKA HENDAKLAH SEDAR DAN BERSYUKUR TENTANG NABIB BAIK MEREKA SEMPENA MERAYAKAN 25 TAHUN KEMERDEKAAN ITU. --LAGI 2025/MD

MAHATHIR - PERUTUSAN 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA, 25 TAHUN PERTAMA SEJARAH NEGARA MERUPAKAN TEMPOH MEMBENTUK, MELETAK DAN MENGUKUHKAN ASAS-ASAS NEGARA DAN DENGANNYA RAKYAT TELAH MENENTUKAN KESTABILAN, KESEJAHTERAAN DAN KEMAKMURAN SERTA KEHARMONIAN YANG MENJADI IMPIAN DAN DAPAT DINIKMATI OLEH RAKYAT GENERASI SEKARANG DAN AKAN DATANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TURUT MENYANJUNG NEGARAWAN-NEGARAWAN YANG BERJASA KEPADA NEGARA SEPERTI TUNKU ABDUL RAHMAN PUTERA ALHAJ, BAPA KEMERDEKAAN, ALLAHYARHAM DATUK ONN JAAFAR, TUN ABDUL RAZAK, TUN ISMAIL DAN DATUK HUSSEIN ONN YANG TELAH MEMBANGUNKAN NEGARA DAN MEMPELOPORI ASAS-ASAS KESETABILAN NEGARA.

KATANYA SEMASA RAKYAT BERJUANG MMENUNTUT KEMERDEKAAN DAHULU ADA PIHAK-PIHAK YANG BERPENDAPAT BAHAWA RAKYAT TIDAK AKAN BERJAYA DAN AKAN HANCUR KERANA NEGARA INI TERDIRI DARI RAKYAT BERBILANG KAUM.

TETAPI OLEH KERANA SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA RAKYAT NEGARA INI TERDIRI DARI MEREKA YANG BERFIKIRAN WARAS DAN SEDERHANA, SETELAH 25 TAHUN NEGARA BUKAN SAHAJA STABIL TETAPI JUGA TELAH MENCAPAI KEMAJUAN YANG LUAR BIASA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MINGINGATKAN BAHAWA PIHAK-PIHAK TERSEBUT AKAN SENTIASA MENGHASUT RAKYAT DENGAN BERBAGAI CARA SEPERTI MENGGUNAKAN RAKYAT SENDIRI UNTUK MENGHANCURKAN NEGARA INI. --BERNAMA 2030/MD